

# *Membina semula tamadun hebat, bermaruah*

*Malaysia mampu mainkan peranan penting  
pulih roh sains, ilmu fiqh dalam dunia Islam*



→  
**IDRIS  
JUSOH**

**B**aru-baru ini saya berpeluang mewakili Malaysia ke Persidangan Menteri-Menteri Pengajian Tinggi dan Sains & Inovasi di Maghribi. Persidangan ini yang dianjurkan Islamic Educational, Saintific and Cultural Organisation (ISESCO) - Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam - di bawah naungan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) bertujuan membincangkan isu berkaitan pendidikan tinggi.

Sebelum persidangan berlangsung, saya berkesempatan untuk bertemu dengan Presiden Universiti Qarawiyyin (UQ) di Fes, Maghribi. Beliau adalah seorang penasihat Raja Maghribi dan ahli akademik Islam yang disegani seluruh dunia.

Ada sumber yang mengatakan bahawa UQ berusia melebihi 1,000 tahun adalah universiti tertua di dunia. Universiti ini diasaskan oleh seorang wanita tempatan bernama Fatima yang menyumbang dana untuk membina UQ.

Pada peringkat awal penubuhan UQ, di samping mengajar ilmu Islam, bidang pengajiannya turut meliputi bidang sains. Ketika itu, UQ menekankan integrasi antara fiqh dengan sains sebagai asas kepada pemahaman agama, dunia dan akhirat.

#### **UQ tidak lagi amal integrasi ilmu**

Namun sayangnya, ketika berbulu dengan Presiden UQ, saya dapati UQ sekarang tidak lagi mengamalkan pendekatan integrasi ilmu, sebaliknya hanya menumpukan kepada pengajaran ilmu fiqh.

Bagi saya, hal ini adalah suatu kerugian besar kerana catatan sejarah Islam membuktikan bahawa integrasi antara ilmu sains dengan Islam sudah melahirkan sekian ramai tokoh cendekiawan tersohor Islam seperti Ibnu Khaldun, Ibnu Sina, Ibnu Batuta dan al-Khawarizmi.

Kegemilangan tamadun Islam amat dikagumi agama dan bangsa lain. Tamadun Andalusia misalnya suatu ketika dahulu amat dicemburui ramai pihak sehinggakan ada golongan yang dikenali sebagai 'mozarab' iaitu penganut Kristian yang kagum dengan kehebatan Islam dan sanggup mengamalkan cara hidup orang Islam.

Pada persidangan ISESCO, beberapa ahli sains Islam menerima anugerah kerana sumbangan mereka dalam bidang sains.

Saya cukup berbesar hati apabila melihat Profesor Dr Mahiran Basri dari Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menerima anugerah atas sumbangannya kepada bidang kimia. Kajian beliau antara lain berjaya menemui cara sintesis bahan kimia daripada sawit untuk kegunaan dalam industri perubatan dan kosmetik.

Cendekiawan wanita beragama Islam ini meletakkan Malaysia dalam catatan peneemuan kajian sains yang hebat di dunia.

Secara peribadi, saya mengucapkan tahniah kepada beliau.

Selain itu, kertas kerja Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi di Kementerian Pendidikan, Profesor Datuk Dr Asma Ismail, berkenaan governans, inovasi & kebolehpasaran, mendapat sambutan hebat daripada menteri dan peserta persidangan sehinggakan beliau dikerumuni peserta lain selepas selesai membenteng kertas kerjanya, termasuk Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Arab Saudi yang meminta salinan kertas kerja berkenaan.

#### **Kongsi kejayaan IPT Malaysia**

Bekas Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berkongsi kejayaan institusi pengajian tinggi di Malaysia, khususnya kelima-lima Universiti Penyelidikan (UP) kita yang mengharumkan nama negara selepas program UP dimulakan pada tahun 2006. Antara kejayaan UP seperti berikut:

- Universiti Malaya berada pada kedudukan 151 dunia dalam rangking QS. Berlaku peningkatan daripada kedudukan ke-167 pada tahun lalu.

- UPM adalah universiti ke-54 terbaik dunia dalam Sains Pertanian (ke-7 terbaik di Asia dan nombor satu di Asia Tenggara).

- Universiti Sains Malaysia berada di tempat ke-28 terbaik di dunia dalam bidang sains alam sekitar.

- Empat profesor Islam di Malaysia tersenarai dalam lingkungan satu peratus ahli akademik tersohor dunia. Mereka tersenarai dalam *World's Most Influential Scientific Minds* menurut Unit Penyelidikan Thompson Reuters dan pengiktirafan ini diberikan kerana penerbitan mereka antara yang paling banyak dirujuk di dunia. Mereka adalah pakar dalam bidang seperti kejuruteraan, matematik dan kimia.

- Menurut laporan UNESCO 2014, Malaysia kini negara pilihan ke-9 paling popular dunia untuk pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Saya bangga atas pencapaian ini. Malaysia mendapat pengiktirafan yang hebat dan menjadi negara OIC yang terbaik dalam bidang pendidikan keseluruhannya.

Lantaran itu, Malaysia memainkan peranan penting dalam proses mengembalikan roh sains dan ilmu fiqh dalam dunia Islam. Sesungguhnya membangkitkan semula kegemilangan tamadun Andalusia dan hala tuju asal Universiti Qarawiyyin adalah usaha mulia yang harus dikejar. Saya yakin jika umat Islam istiqamah, pasti dapat semula membentuk tamadun yang hebat, berkat dan bermaruah.



**Penulis**

ialah Menteri Pendidikan II

#### **SIDANG REDAKSI**

Pengarang Urusan  
Kumpulan NSTP  
**Datuk Mahfar Ali**  
jalil@bh.com.my

Pengarang  
Kumpulan BH  
**Datuk Mahfar Ali**  
mafa@bh.com.my

Timbalan Pengarang  
Kumpulan BH  
**Badrulhisham Othman**  
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif  
Pengeluaran/e-Paper  
**Rosli Safar**  
rosli@bh.com.my

**BH**  
diterbitkan oleh The New  
Straits Times Press (M) Bhd,  
31, Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur,  
Tel: 1-300-22-6787  
Faks: 03 20567081  
**Laman Web:**  
www.bharian.com.my  
**E-mel:**  
bhrencana@bh.com.my